

'Pertemuan Dr M, Hadi perkara biasa'

BH - 24/1/2020 mlj: 12

Kuala Nerus: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menganggap pertemuan antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang baru-baru ini, yang didakwa bakal mengubah landskap politik negara sebagai sekadar tafsiran umum.

Ketua Umum Pakatan Harapan (PH) itu berkata, Perdana Menteri bebas bertemu sesiapa pun, justeru beliau menyifatkan pertemuan dua pemimpin berkenaan sebagai perkara biasa.

"Sekadar tafsiran umum (dakwaan pertemuan bakal mengubah landskap politik negara). PM (Perdana Menteri) sudah beritahu ia hanya pertemuan biasa," katanya selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Islam Sosial di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini, semalam.

Ditanya sama ada beliau merancang mengadakan pertemuan dengan Hadi, Anwar berkata, beliau tidak mempunyai masalah untuk berjumpa sesiapa sahaja.

"Saya tiada masalah jumpa sesiapa pun, saya tidak bermusuh dengan sesiapa," katanya.

Sebelum ini, timbul spekulasi susulan gambar pertemuan Dr



Anwar bersalaman dengan peserta pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Islam Sosial di UniSZA, Kuala Nerus, semalam. (Foto BERNAMA)

Mahathir dan Hadi yang disiarkan sebuah portal berita sehingga ramai mendakwa ia petanda berlaku kerjasama politik antara mereka dengan PAS dikatakan akan menyertai PH.

Dr Mahathir turut dilaporkan berkata, sedia bekerjasama dengan sesiapa sahaja, termasuk parti pembangkang jika ia mem-

beri kebaikan kepada negara, namun jelasnya, pertemuan dengan Hadi adalah biasa kerana beliau berjumpa banyak pihak termasuk pemimpin pembangkang.

Kelmarin, Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan bagaimanapun dilaporkan berkata, PAS tidak pernah terfikir menyertai PH, sebaliknya akan

memperkukuhkan kerjasama politik dengan UMNO dan Barisan Nasional (BN) menerusi Muafakat Nasional.

Katanya, PAS akan terus bersama UMNO dan BN untuk menjadi pembangkang konstruktif dalam dan luar Parlimen serta berperanan sebagai semak dan imbang kepada Kerajaan PH.